

KENYATAAN MEDIA

SESI LIBAT URUS YB MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI BERSAMA PERSATUAN DAN KOPERASI PERINGKAT NEGERI SABAH

KOTA KINABALU, 30 JANUARI – Seramai 500 orang usahawan PMKS telah menghadiri Sesi Libat Urus YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bersama Persatuan dan Koperasi Peringkat Negeri Sabah anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah (MID) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, Sabah.

Sesi ini merupakan platform untuk para usahawan dan koperator berkongsi pandangan, mendapatkan input dan menyampaikan hasrat yang diharapkan daripada Kerajaan. KUSKOP yakin bahawa sesi ini dapat memenuhi keperluan usahawan bagi mendepani cabaran-cabaran serta meningkatkan kemampanan perniagaan. Antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa sesi libat urus berkenaan ialah mengenai fasiliti perniagaan, pembiayaan usahawan, pembangunan kapasiti dan lain-lain lagi.

Selain itu, pelaksanaan program ini dijangka dapat membantu Kerajaan untuk terus memperkasa dan menghasilkan usahawan yang berdaya saing di pasaran tempatan dan global sejajar dengan Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030 arah peningkatan KDNK Negara.

Dalam ucapan perasmian beliau, YB Datuk Ewon telah menzahirkan komitmen untuk berusaha menyokong pertumbuhan sektor ekonomi terutamanya dengan memperkasakan agenda transformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi memacu pembangunan Malaysia yang mampan dan progresif.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

30 JANUARI 2023

